

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP
(SEKIJANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP [SEKIJANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah keseluruhan penjimatan yang diperoleh Kerajaan menerusi pelaksanaan rasionalisasi subsidi sejak ia mula-mula dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melaksanakan langkah rasionalisasi subsidi bagi meningkatkan kecekapan perbelanjaan dan pengagihan sumber kewangan negara. Langkah rasionalisasi subsidi ini dilaksanakan dengan mengalih secara berperingkat kaedah pemberian subsidi secara pukal kepada subsidi yang lebih bersasar dan memberi manfaat terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah.

Dengan pelaksanaan langkah ini, ketirisan perbelanjaan Kerajaan dapat dikurangkan khususnya melalui pengurangan penyeludupan dan penyelewengan serta penggunaan barangan bersubsidi oleh warga asing.

Tuan Yang di-Pertua,

Penjimatan yang diperoleh daripada langkah rasionalisasi subsidi dapat dilihat sejak tahun 2013 iaitu melalui penghapusan subsidi gula pada bulan November 2013 dan pelaksanaan sistem pengapungan terkawal (*managed float*) harga runcit petrol RON95 dan Diesel mulai Disember 2014. Penghapusan subsidi gula telah dapat menjimatkan perbelanjaan mengurus tahunan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM300 juta, manakala rasionalisasi subsidi bahan api telah menghasilkan penjimatan berjumlah kira-kira RM10 bilion pada tahun 2015.